

31 JUL 1996
Bola sepak-Jurulatih
JURULATIH LIGA PERDANA MELAKA LETAK JAWATAN

MELAKA, 31 Julai (Bernama) -- Perletakan jawatan jurulatih skuad bola sepak Melaka pada pertengahan musim berulang lagi tahun ini apabila jurulatih Rameli Junit pula mengumumkan perletakan jawatannya hari ini.

Rameli mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai jurulatih yang berkuatkuasa esok kepada Pengurus pasukan Datuk Yasin Sarip hari ini dan salinan surat itu telah diedarkan ke pejabat-pejabat media tempatan.

Perletakan jawatan beliau itu merupakan kejadian berulang yang melanda pasukan Liga Perdana sejak dua musim lepas.

Tahun lepas, pasukan itu ditinggalkan separuh jalan oleh jurulatih dari Belanda, Laszlo Zalai manakala G. Torairaju meninggalkan pasukan pada pertengahan musim 1994.

Rameli dalam suratnya tidak memberikan sebarang alasan kepada perletakan jawatan beliau. Surat dengan dua baris ayat itu sekadar menyatakan perletakan jawatannya bermula esok dan mengucapkan terima kasih kepada Yasin kerana melantik beliau sebagai jurutlahi musim ini. -- LAGI

Bagaimanapun menurut sumber-sumber, tindakan Rameli itu dipercayai ekoran pergolakan dalaman di kalangan pegawai Persatuan Bola Sepak Melaka (MAFA), pegawai pasukan dan pemain yang bermula sejak awal musim lagi.

Sumber MAFA sebelum ini ada menyebut pergolakan memuncak apabila bekas jurulatih, G. Torairaju dilantik sebagai penasihat teknikal pasukan itu yang dikatakan mengecewakan Rameli.

Rameli ketika dihubungi enggan mengulas lanjut cuma menyatakan tidak puas hati dengan tindakan Yasin menggantung tugas beliau pada perlawanan dengan Pulau Pinang pada Sabtu lepas dan perlawanan menentang Perlis pada 7 Ogos ini.

Sumber MAFA juga menyatakan bahawa tindakan penggantungan seperti itu hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Profesional MAFA.

Menurut sumber itu lagi, pergolakan semakin memuncak apabila Torairaju diberikan peranan melatih pasukan selepas Rameli digantung sedangkan tugas itu sepatutnya diserahkan kepada penolong jurulatih Mahathir Taha atau Jantan Ali.

Sementara itu, Presiden MAFA, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang diminta mengulas perletakan jawatan Rameli berkata tindakan itu mengejutkan dan perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat MAFA.

Mohd Zin berkata Mahathir dan Jantan akan memangku tugas jurulatih pasukan buat sementara.

Ditanya mengenai pergolakan pada pasukan Melaka, Mohd Zin yang juga Ketua Menteri Melaka berkata setahu beliau tidak berlaku masalah dalam pasukan kerana Torairaju hanya dilantik sebagai penasihat teknikal.

"Rameli tetap jurulatih pasukan dan tidak ada sebarang keputusan dibuat untuk memecat beliau," katanya. -- BERNAMA

MOZ MYD NMO